

# Guru pondok perlu kuasai AI seiring perkembangan teknologi

**Machang:** Guru pondok di seluruh negara perlu menguasai ilmu baharu iaitu bidang kecerdasan buatan (AI) bagi memastikan mereka mengikut perkembangan teknologi, selain sebagai ketahanan jiwa dalam Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sekiranya guru pondok tidak menguasai teknologi baharu itu, mereka akan ketinggalan, selain kalah dengan serangan baharu dalam dunia teknologi.

Anwar turut menekankan meskipun guru pondok perlu menguasai AI bagi menampung keperluan semasa, namun penggunaan kitab, mereka tetap tidak ditinggalkan.

"Kaedah tradisional dengan membaca kitab untuk guru pondok, kita tidak ganggu dan aman itu masih dikekalkan, sebaliknya kita tambah dengan tuntutan baharu, iaitu AI.

"Tanpa penguasaan guru pondok dalam AI, bidang itu hanya menjadi versi berasaskan Amerika Syarikat dan Barat," katanya ketika berucap pada Majlis Ijtima' MADANI Ulama dan Guru Pondok Kelantan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd



Anwar ketika hadir Majlis Perasmian Ijtima MADANI Ulama dan Guru Pondok Kelantan di Universiti Teknologi MARA, Kampus Machang, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Nassuruddin Daud dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan sum-

bangkan RM1.03 juta kepada pondok yang menghadiri Muzakarah Umara' dan Ulama' Pondok Kebangsaan (UMRAN) 2025.

Pada masa sama, Anwar turut memaklumkan sudah tiba ma-

sanya benteng pertahanan sejarah umat Islam dibangunkan semula bagi melawan pengaruh sekular.

"Bulan lalu saya memanggil pegawai Kementerian Kewa-

ngan mencari jalan bagaimana kita boleh memilih pondok untuk dijadikan benteng semula. Dengan cara itu, barulah MADANI dalam erti kata sebenar," katanya.